

20 JUL 1968

Dunia sanjung usaha Malaysia

KUALA LUMPUR, Jumaat — Rakyat Malaysia patut berbangga kerana usaha kerajaan membanteras kegiatan penyalahgunaan dadah disanjung oleh masyarakat antarabangsa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya ini terbukti dengan kejayaan Malaysia dipilih sebagai Pengerusi Persidangan Antarabangsa mengenai dadah di Vienna pada tahun depan.

"Sumbangan dan usaha kita dalam bidang ini diakui dan diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa," tegas Perdana Menteri di majlis pelancaran Manifesto Barisan Nasional di Pusat Dagangan Dunia Putra pagi ini.

Beliau berkata, Malaysia kini menjadi contoh kepada negara-negara lain dalam usaha membanteras dan mencegah kegiatan dadah.

"Dunia memandang bahawa usaha kita mencegah dadah harus ditcontohi," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berpendapat, berdasarkan usaha-usaha kerajaan dalam membanteras dadah maka Malaysia dicadangkan menjadi pengerusi persidangan antarabangsa mengenai dadah.